

HIKAYAT PANGLIMA NIKOSA

Menelusuri Gagasan dan Pemikiran
Ahmad Shawal Abdul Hamid

Editor
MARY FATIMAH HAJI SUBET



HIKAYAT PANGLIMA NIKOSA

Menelusuri Gagasan dan Pemikiran
Ahmad Shawal Abdul Hamid

Editor
MARY FATIMAH HAJI SUBET



DBP

HIKAYAT PANGLIMA NIKOSA

Menelusuri Gagasan dan Pemikiran
Ahmad Shawal Abdul Hamid

Dr Fatimah Hj Subet
Senior Lecturer
Faculty of Language and Communication
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

HIKAYAT PANGLIMA NIKOSA

*Menelusuri Gagasan dan Pemikiran
Ahmad Shawal Abdul Hamid*

Editor
MARY FATIMAH HAJI SUBET

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2022

Cetakan Pertama 2022

© Dewan Bahasa dan Pustaka

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-penerbitan

HIKAYAT PANGLIMA NIKOSA : Menelusuri Gagasan dan Pemikiran Ahmad
Shawal Abdul Hamid / Editor MARY FATIMAH HAJI SUBET.

ISBN 978-983-49-3531-3

1. Folk literature, Malay--Malaysia--Sarawak.

2. Folklore--Malaysia--Sarawak.

3. Government publications--Malaysia.

I. Mary Fatimah Haji Subet.

398.20959522

Dicetak oleh
Malien Press sendirian Berhad,
Kuching, Sarawak.

KANDUNGAN

<i>Senarai Penyumbang</i>	<i>ix</i>
<i>Kata Pengantar</i>	<i>xi</i>
<i>Prakata</i>	<i>xiii</i>
<i>Pendahuluan</i>	<i>xv</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>xxvii</i>
<i>Penghargaan Khas</i>	<i>xxix</i>
Dunia Melayu dalam Kebobrokan Zaman	1
Penjajahan Barat: Menelusuri Gagasan dan Falsafah Ahmad Shawal Abdul Hamid Menerusi <i>Hikayat Panglima Nikosa</i>	
Nordi Achie	
<i>Hikayat Panglima Nikosa: Menelaah</i>	46
Pemikiran dan Persoalan Melayu	
Abang Patdeli Abang Muhi	
<i>Hikayat Panglima Nikosa: Nilai dan Pemikiran</i>	66
Ahmad Shawal	
Jeniri Amir	



KANDUNGAN

<i>Hikayat Panglima Nikosa: Pemangkin Perkembangan Intelektual di Sarawak</i> Abdul Wahab Hamzah	105
Penelitian Pemikiran Ahmad Shawal dalam <i>Hikayat Panglima Nikosa</i> dalam Konteks Ruang dan Masa Suffian Mansor	122
Analisis Bahasa dalam <i>Hikayat Panglima Nikosa</i> Mary Fatimah Haji Subet	141
Analisis Laras Bahasa <i>Hikayat Panglima Nikosa</i> Mohammed Azlan Mis	163
<i>Hikayat Panglima Nikosa: Kesopanan Bahasa dalam Pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid</i> Zuraini Seruji	180
Retorik dalam <i>Hikayat Panglima Nikosa</i> Zainal Abidin Masleh	211
Etnografi Komunikasi: Kata Panggilan dalam Novel <i>Hikayat Panglima Nikosa</i> Sa'adiah Ma'alip	224
<i>Hikayat Panglima Nikosa: Satu Bacaan Etnosentrisme</i> Zubir Idris	304



KANDUNGAN

Orientalisme dan Intertekstualiti dalam Novel Melayu Pertama di Dunia Muhammad Qhidir Mat Isa	327
Teori Sosial Konservatif dalam <i>Hikayat Panglima Nikosa</i> : Gagasan Perubahan Ekonomi dan Keseimbangan Sosial untuk Masyarakat Melayu Sarawak Abad Ke-19 Sharifah Sofea Wan Ahmad	357
<i>Hikayat Panglima Nikosa</i> Sebagai Sebuah Novel yang Memaparkan Dokumen Sosial Masyarakat Sarawak Che Abdullah Che Ya	378
Mengadaptasi Novel <i>Hikayat Panglima Nikosa</i> Kepada Bentuk Skrip Drama Nur Afifah Vanitha Abdullah	398

Senarai Penyumbang

Abdul Wahab Hamzah

Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan

Mohammed Azlan Mis (Dr.)

Universiti Kebangsaan Malaysia

Che Abdullah Che Ya

Universiti Kebangsaan Malaysia

Abang Patdeli Abang Muhi (Dr. Haji)

Dewan Bahasa dan Pustaka

Jeniri Amir (Dr.)

Suara Sarawak

Mary Fatimah Haji Subet (Dr.)

Universiti Malaysia Sarawak

Muhammad Qhidir Mat Isa

Parlimen Malaysia

Nordi Achie (Dr.)

Universiti Malaysia Sarawak

Nur Afifah Vanitha Abdullah (Dr.)

Universiti Kebangsaan Malaysia

Sa'adiah Ma'alip (Dr.)

Universiti Kebangsaan Malaysia

Sharifah Sofea Wan Ahmad (Dr.)

Universiti Malaysia Sarawak

Suffian Mansor (Dr.)

Universiti Kebangsaan Malaysia

Zainal Abidin Masleh (Dr. Haji)


Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

Zubir Idris (Dr.)

Universiti Kebangsaan Malaysia

Zuraini Seruji (Dr.)

Universiti Malaysia Sarawak



KATA PENGANTAR

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah berjaya menerbitkan buku *Hikayat Panglima Nikosa: Menelusuri Gagasan dan Pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid*. Penerbitan buku ini merupakan usaha DBP Cawangan Sarawak dalam memperlihat beberapa aspek yang dapat menjadi satu kajian berterusan untuk memartabatkan karya sastera dan persuratan di Bumi Kenyalang.

Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, swasta dan individu dalam usaha mengangkat sejarah yang terdapat di Bumi Kenyalang dengan harapan agar buku ini dapat menjadi bahan rujukan tambahan kepada para penyelidik. Usaha ini amat penting untuk tatapan generasi muda pada masa akan datang bahawa wujudnya suatu sejarah yang sangat bermakna yang terungkap dan didokumentasikan seperti buku *Hikayat Panglima Nikosa* yang diterbitkan pada tahun 1876. Kajian manuskrip yang melihat dari aspek pemikiran dan sosiobudaya, serta hal-hal lain amat diperlukan bagi memperlihatkan sejarah kewujudan bahasa, sastera dan budaya sesebuah masyarakat.



KATA PENGANTAR

Kami berharap dengan terbitnya buku *Hikayat Panglima Nikosa: Menelusuri Gagasan dan Pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid* yang melihat dari perspektif yang berbeza akan menjadi sebahagian daripada bahan bukti yang dapat mengangkat buku *Hikayat Panglima Nikosa* sebagai sebuah novel Melayu pertama di dunia. Usaha melestarikan dan memartabatkan karya sastera dan persuratan sekali gus dapat ditingkatkan serta mampu memberikan sumbangan ke arah pemeliharaan warisan dan khazanah bernilai. Akhir kata, buku ini diharap dapat memberikan pemahaman serta dimanfaatkan oleh semua pihak khususnya para penyelidik, agensi kerajaan dan swasta, pensyarah, pelajar dan masyarakat amnya.

DATUK ABANG SALLEHUDDIN BIN ABG SHOKERAN

Ketua Pengarah,

Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.



PRAKATA

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin-Nya buku *Hikayat Panglima Nikosa Menelusuri Gagasan dan Pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid* dapat diterbitkan. Buku ini menghimpunkan sebanyak 15 buah kertas kajian yang telah dibentangkan oleh 15 orang penyelidik serta pensyarah dari universiti tempatan dalam program Siri Bicara Pusaka Bangsa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak. Penerbitan buku ini merupakan salah satu usaha untuk mendokumentasikan nilai dan sejarah kehidupan masyarakat di Sarawak yang terdapat dalam novel *Hikayat Panglima Nikosa* di samping menelusuri pemikiran pengarang. Novel *Hikayat Panglima Nikosa* dikatakan sebagai novel Melayu pertama di dunia telah diterbitkan pada 30 Jun 1876 di Bukit Persinggahan, Kuching dan ditulis oleh Ahmad Shawal Abdul Hamid.

Usaha menerbitkan buku *Hikayat Panglima Nikosa Menelusuri Gagasan dan Pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid* ini tidak akan berhasil tanpa kerjasama yang erat daripada pelbagai pihak. Oleh itu, dalam kesempatan ini saya merakamkan setinggi-



PRAKATA

tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak, Amanah Khairat Budaya Melayu Sarawak, para penyelidik dan pensyarah yang telah banyak menyumbang untuk menjayakan penerbitan buku ini.

Ucapan terima kasih dan tahniah juga kepada staf di Unit Pembinaan dan Penyelidikan Bahasa dan Sastera, Pusat Dokumentasi Melayu, Unit Penerbitan serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga penerbitan buku ini dapat memberikan manfaat kepada para pembaca terutamanya kepada mereka yang ingin menerokai serta mengkaji sejarah kesusasteraan dan khazanah warisan bangsa di negeri Sarawak.

ABANG HALIMAN HAJI ABANG JULAI

Pengarah,

Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.



PENDAHULUAN

Hikayat Panglima Nikosa (HPN) merupakan sebuah salinan naskhah yang dihasilkan secara cetakan litografi oleh Ahmad Shawal bin Abdul Hamid pada tahun 1876 di Kuching. Naskhah ini telah ditemui tersimpan di Rhodes House Library, Oxford. HPN ini merupakan satu penceritaan yang berlatarbelakangkan Borneo seperti catatan yang dinukilkan dalam risalah ini iaitu *a collection of Borneon pamphlets* dan dikatakan berada dalam simpanan Sir Hugh Low yang pernah berkhidmat bawah pemerintahan dinasti Brooke sebelum menjadi Residen Perak pada tahun 1877. Yang menariknya, ada pandangan yang mengatakan bahawa HPN ini merupakan novel Melayu pertama di dunia. Pernyataan ini telah meletakkan risalah ini pada kedudukan yang sangat penting pada hari ini.

Dalam catatan awal HPN ini, HPN telah diterbitkan pada 30 Jun 1876, dalam bentuk penceritaan yang berkisar tentang watak utama iaitu Panglima Nikosa. Pada hari ini, pada tarikh ini tahun 2022, HPN telah menghampiri usia melebihi 145 tahun. Pihak DBP Cawangan Sarawak telah mengambil inisiatif untuk



PENDAHULUAN

menerbitkan koleksi kajian yang membicarakan *HPN* daripada pelbagai sudut yang merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial di samping mengetengahkan analisis struktural dari sudut sastera itu sendiri yang merangkumi tema, pemikiran, persoalan, watak perwatakan, teknik penceritaan, plot, latar masyarakat, latar tempat, latar masa, nilai-nilai murni, pengajaran dan gaya bahasa yang semuanya telah digarap, dibincangkan dan dikupas dengan teliti dalam *Bicara Pusaka Bangsa* yang dilaksanakan oleh pihak DBP Cawangan Sarawak. Di samping itu, ada pengkaji yang melihat *HPN* ini sebagai sebuah hasil sastera yang mengemukakan ideologi dan falsafah di samping berperanan sebagai kritikan sosial masyarakat. Membaca *HPN* ini akan menemukan pembaca dengan pengarangnya iaitu Ahmad Shawal Abdul Hamid yang mempunyai gagasan, wawasan, pemikiran dan tindakan yang luar biasa yang diterjemahkan melalui watak Panglima Nikosa. Jelas, *HPN* mempunyai kepentingannya yang tersendiri sesuai dengan kedudukannya sebagai novel Melayu pertama di dunia dan akan terus dibicarakan di persada akademik buku ini menghimpunkan 15 artikel daripada 15 orang penulis, yang rata-ratanya merupakan penyelidik dari institusi pengajian tinggi di Malaysia, termasuk pihak DBP sendiri.

Kertas kerja Nordi Achie mengemukakan perihai ciri-ciri kepemimpinan yang digarap oleh pengarang *HPN*, iaitu Ahmad Shawal melalui gagasan dan falsafah politiknya yang dijelmakan dalam watak Nikosa dan ayahnya. Penulis mengetengahkan ciri kepimpinan yang dikesan dalam *HPN*, antaranya seorang pemimpin mestilah “orang bumi”, perlu berperangai baik, tegas dan berani menghadapi ancaman musuh. Seorang pemimpin juga harus bersatu menyelesaikan masalah



PENDAHULUAN

rakyat dan negeri, mencintai tanah air, sanggup berkorban untuk mempertahankannya serta berani menghadapi ancaman musuh. Selain itu, seorang pemimpin harus bermuafakat menyelesaikan masalah, mengambil berat masalah yang menimpa rakyat, serta menjaga kebajikan dan kepentingan rakyat. Untuk memastikan agar rakyat terus memberikan kepercayaan, menghormati dan mentaati pemimpin, pemimpin harus menunaikan janji, bersifat bijaksana, berakal panjang dan berpandangan jauh. Semua ini dibincangkan berdasarkan jalan cerita dan keberanian Panglima Nikosa menghancurkan serangan musuh sehingga dapat menawan kawasan musuh yang menyerah kalah akhirnya sehingga dilantik menjadi Panglima Besar.

Abang Patdeli Abang Muhi dalam kertas kerjanya pula membicarakan *HPN* ialah sebuah novel. Beliau mengatakan bahawa mauduk pembicaraan dan asas kritikan novel ini tidak boleh disamakan dengan mauduk dan asas pembicaraan novel yang dihasilkan oleh novelis kontemporari seperti A. Samad Said dan Anwar Ridhwan, dan malah, dibandingkan dengan novel-novel yang dihasilkan oleh Keris Mas, Shahnnon Ahmad, S. Othman Kelantan, Arena Wati dan Abdullah Hussain. Menurut beliau, kepengarangan dan pemikiran pengarang *HPN* harus ditinjau sesuai dengan zaman novel itu dihasilkan. Perbincangan beliau seterusnya tentang *HPN* ini berkisar tentang pemikiran dan persoalan Melayu, persoalan sosio-budaya, sosio-ekonomi dan sosio-politik. Abang Patdeli membicarakan pemikiran dan sikap Ahmad Shawal dengan menghubungkaitkannya dengan meletakkan keadaan sosial, ekonomi dan politik masyarakat Melayu pada tahun 1870-an sebagai sumber ilham Ahmad Shawal dalam menghasilkan



HPN yang memperlihatkan pemikiran didaktik dan futuristik pengarangnya.

Kertas kerja Jeniri Amir pula membincangkan kedudukan dan kepentingan *HPN* sebagai novel Melayu pertama yang akan terus mengundang perhatian dan minat bukan sahaja kerana unsur kesejarahannya dan kedudukannya sebagai *magnum opus* atau mahakarya, tetapi disebabkan pemikiran, ideologi, dan signifikannya dalam konteks perkembangan sastera di negara ini, khususnya di Sarawak. Jeniri turut membicarakan latar belakang Ahmad Shawal yang bukan orang sembarangan dan meletakkannya sebagai tokoh dan orang ternama dalam kalangan masyarakat Melayu di Kuching. Jeniri turut mengupas watak perwatakan dalam *HPN*, dialog yang digunakan dalam *HPN*, plot, gambaran kepemimpinan serta sosio ekonomi masyarakat yang diketengahkan dalam *HPN* menjurus kepada pertanian, perumahan dan bangunan yang lebih menampakkan ciri atau unsur moden, di samping mengetengahkan kepentingan pendidikan yang dianggap oleh Ahmad Shawal sebagai dasar masyarakat yang maju dan bertamadun termasuk pendidikan sekular dan agama.

Manakala Abdul Wahab Hamzah membicarakan kepentingan *HPN* dari aspek sosio-ekonomi dan politik, di samping membicarakan perihal percetakan dan usaha penerbitan *HPN* yang boleh dijadikan sebagai pemangkin kepada perkembangan intelektual di Sarawak. Beliau membicarakan perihal kritikan sosial yang dapat dikesan dalam *HPN* ini. Kritikan sosial ini harus diambil kira selaras dengan usaha untuk menjadikan atau mengangkat *HPN* sebagai sebuah karya moden yang relevan dengan perkembangan masyarakat. Analisis yang dilakukan oleh beliau dalam *HPN* mengetengahkan perihal pengarang

novel, iaitu Ahmad Shawal melalui pengkisahan watak Nikosa yang menasihati Pilina. Misalnya, memaparkan pemikiran Ahmad Shawal untuk menyampaikan kepada masyarakat tentang kepentingan pendidikan, kaedah pertanian moden dan perniagaan yang berasaskan sistem ekonomi moden. Ketiga-tiga aspek ini diterapkan oleh Ahmad Shawal dalam *HPN* adalah bermatlamat untuk mengangkat kehidupan masyarakat kepada tahap yang lebih baik kerana dalam konteks kedudukan peribumi Sarawak yang terpinggir dalam arus pembangunan dan perubahan Sarawak, kejayaan dan kesejahteraan masyarakat lebih terjamin dengan adanya sistem pendidikan dan penguasaan ekonomi yang kukuh.

Penelitian pemikiran Ahmad Shawal dalam *HPN* dalam konteks ruang dan masa turut dibincangkan oleh Suffian Mansor dalam kertas kerjanya. Antara penelitian yang dilakukan ialah pengarang *HPN* mempunyai satu pemikiran kemajuan pada zaman beliau dalam konteks Sarawak pada pertengahan dan akhir abad ke-19. Pemikiran Ahmad Shawal ini, sebenarnya bertujuan untuk mengingatkan masyarakat Melayu agar tidak lalai dengan perubahan ekonomi dunia. Hal ini dalam analisis Suffian telah ditunjukkan oleh Ahmad Shawal dalam plot penceritaan *HPN* yang berbeza dengan karya-karya Alam Melayu terdahulu, sesuai dengan pengalaman Ahmad Shawal yang luas dalam bidang intelektual dan pemahaman beliau tentang dunia Barat apabila bekerja dengan orang Barat. Pengalaman bekerja dengan pihak Barat ini menjadikan Ahmad Shawal sedar bahawa beliau perlu mempersiapkan masyarakat Melayu bagi menempuh pelbagai cabaran baharu, khususnya dalam bidang sosio-ekonomi kerana banyak hasil pertanian boleh diusahakan di bumi Sarawak ketika itu.

PENDAHULUAN

Menurut analisis Mary Fatimah Haji Subet tentang bahasa *HPN*, mengungkai makna Timur yang merujuk negeri Sarawak, asal usul nama Nikosa, pengaruh dialek tempatan dalam *HPN* yang mencakupi dialek dan bahasa peribumi masyarakat Sarawak. Melalui pengaruh dialek dan bahasa tersebut, dibuktikan bahawa *HPN* berlatarbelakangkan negeri Sarawak dengan adanya penggunaan dialek Melayu Sarawak seperti simpulan bahasa “angkat-angkat bujang” yang melalui kajian beliau hanya terdapat di negeri Sarawak. Terdapat juga kata “uma” (yang digugurkan fonem “h” dalam kata “huma”) kerana ini merupakan satu ciri dalam dialek Melayu Sarawak yang menggugurkan fonem “h” pada kebanyakan awal kata yang bermula dengan huruf “h.” Beberapa pengaruh bahasa peribumi Sarawak yang lain seperti bahasa Melanau “mulong”, “lemantak dan bahasa Iban seperti “ngayau” dan “engkalak” atau “engkalak” turut digunakan. Penggunaan unsur bahasa klasik dan unsur bahasa sastera lain seperti personifikasi, metafora dan hiperbola turut digunakan oleh Ahmad Shawal dalam penulisan *HPN* juga dibincangkan. Analisis yang dilakukan oleh Mary Fatimah adalah berdasarkan bidang etimologi, numerologi dan semantik inkuisitif.

Mohammed Azlan Mis membincangkan laras bahasa halus yang berperanan membantu seseorang menyampaikan maklumat dan idea kepada khalayak yang disasarkan. Dalam novel *HPN*, Ahmad Shawal menggunakan laras bahasa halus apabila membicarakan dan mengetengahkan keperibadian Panglima Nikosa tentang kegagahan dan kepimpinan beliau. Di samping itu, Mohammed Azlan Mis mendapati bahawa penggunaan bahasa halus dalam penulisan novel ini juga dapat merungkai banyak maklumat yang menunjukkan bahawa Panglima



Nikosa merupakan seorang pemimpin yang disegani, adil, bertanggungjawab, berani, yakin, mempunyai wawasan dan sangat mengambil berat berkaitan rakyat dan masyarakatnya.

Kertas kerja yang kelapan membincangkan tentang kesopanan berbahasa yang terdapat dalam *HPN*. Zuraini Seruji telah menggunakan analisis Prinsip Kesopanan Leech (1983) yang mengemukakan enam maksim, iaitu maksim santun, maksim persetujuan, maksim sokongan, maksim budiman, maksim kerendahan hati dan maksim simpati untuk mengesan aspek kesantunan dalam *HPN*. Daripada keenam-enam maksim ini, Zuraini mendapati bahawa maksim persetujuan mendominasi maksim-maksim lain. Dengan menggunakan prinsip kesopanan ini, didapati juga bahawa penceritaan dalam *HPN* dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat, khususnya generasi muda tentang aspek kesantunan berbahasa yang digunakan oleh masyarakat sejak dahulu lagi. Secara tidak langsung, novel *HPN* menyerlahkan ciri-ciri kesantunan yang tinggi.

Zainal Abiddin Masleh pula membicarakan perihal penggunaan dan garapan retorik yang pelbagai dalam sesuatu pengisahan karya. Dalam konteks *HPN* sebagai novel, retorik yang digunakan oleh Ahmad Shawal dilihat sebagai satu aspek penting untuk menampilkan idea, maklumat dan mesej yang dapat meyakinkan serta mempengaruhi khalayak pembaca. Antara retorik yang dikesan dalam *HPN* ialah retorik naratif, retorik eksposisi, retorik pemerian, retorik penerangan dan retorik pemujukan. Zainal Abiddin mendapati bahawa penggunaan lima teknik retorik ini membuktikan Ahmad Shawal dapat menampilkan struktur ayat yang padu dan mudah difahami oleh pembaca pada zamannya, selain untuk memastikan

PENDAHULUAN

maklumat dan mesej yang diberikan sampai kepada khalayak pembaca. Penggunaan retorik yang pelbagai ini juga didapati berupaya menimbulkan kesan mendalam kepada pembaca sehingga setiap persoalan yang digarap oleh pengarang dalam *HPN* dapat dikesan kerana Ahmad Shawal bijak menggarap serta menetengahkan peristiwa, keadaan, benda atau individu secara menyeluruh, lengkap dan mantap.

Menerusi kertas kerja Sa'adiah Ma'alip, khalayak pembaca didedahkan dengan maklumat bahawa komunikasi yang berlaku seharian dalam kehidupan sebenarnya mempunyai beberapa tujuan seperti mengetahui keputusan dalam bertindak seiring dengan peraturan sosial. Tujuan komunikasi seperti ini dikesan dalam *HPN*. Sa'adiah Ma'alip mendapati bahawa dalam *HPN* telah terlihat kepentingan komunikasi dalam membantu seseorang untuk memperjuangkan kemenangan dan kemelut kehidupan. Nasihat dan teguran yang dilontarkan kepada watak menggunakan komunikasi yang berkesan. Sa'adiah juga telah dapat mengenal pasti bentuk kata panggilan yang terdapat dalam masyarakat yang digambarkan dalam *HPN* melalui pendekatan etnografi komunikasi yang biasa diterapkan dalam kajian sosiolinguistik. Pemaparan bentuk kata panggilan yang terdapat dalam *HPN* seperti kata panggilan kekeluargaan seperti ayahanda dan anakanda, gelaran kurniaan kerajaan seperti panglima, pengarah dan penghulu serta penggunaan kata ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga pada zaman latar masa *HPN* jelas menunjukkan bahawa bentuk kata panggilan ini masih digunakan sehingga kini.

Elemen etnosentrisme yang terdapat dalam teks *HPN* telah dibincangkan dalam kertas kerja oleh



Zubir Idris yang memanfaatkan idea William Graham Sumner yang mendefinisikan etnosentrisme sebagai kecenderungan melihat serta menilai kebudayaan sendiri lebih tinggi daripada kebudayaan orang lain. Analisis intrinsik dilakukan terhadap *HPN*. Aspek tema dan persoalannya, kekuatan kebahasaan seperti penggunaan metafora, perbandingan, perlambangan serta pemilihan diksi yang diaplikasikan oleh pengarang karya telah diteliti bagi menggambarkan etnosentrisme seperti yang diperihalkan dalam karya. Berdasarkan analisis, didapati pengarang *HPN* telah memanfaatkan metafora, hiperbola, perbandingan serta perlambangan yang tertentu untuk mengangkat dan meletakkan watak utama, Panglima Nikosa khususnya, dan masyarakat Sarawak yang diwakilinya pada kedudukan yang tinggi dan mengatasi etnik sekitar. Zubir dapat membuktikan bahawa kecenderungan menilai etnik sendiri lebih hebat daripada etnik lain, jelas merupakan strategi pengarang *HPN* dalam menyerlahkan etnosentrisme masyarakat Sarawak khususnya, masyarakat sebelum perang dunia kedua.

Dalam kertas kerja Muhammad Qhidir Mat Isa membicarakan *HPN* sebagai novel pertama Melayu di dunia. Muhammad Qhidir membincangkan novel ini daripada perspektif perbincangan orientalisme, berdasarkan Teori Intertekstualiti. Muhammad Qhidir mengupas bahawa *HPN* merupakan novel prokolonial ataupun sebuah satira peribumi. Kecenderungan orientalis mengemukakan tesis bahawa nilai dinamik, progresif dan reformis penulis-penulis tempatan pada era kolonialisasi dibicarakan dengan lanjut dan didapati kecenderungan ini merupakan hasil didikan dan bimbingan pentadbir kolonial. Kupasan tentang ini dilakukan dengan memerihalkan karakter

penulis Ahmad Shawal Abdul Hamid, menganalisis perkembangan intelektualisme suku Minangkabau, dan membincangkan kritikan-kritikan pengkaji barat. Dengan meneliti keadaan sosio-ekonomi peribumi tempatan dan dasar ekonomi kolonialis pada era kolonialisme tersebut, didapati bahawa pemikiran realisme Ahmad Shawal ternyata berbeza dan bersifat lebih islahisme, konstruktif serta praktikal. *Hikayat Panglima Nikosa* merupakan bukti kukuh yang menunjukkan bahawa pengislahan atau modenisasi pemikiran tempatan tidak memerlukan kebergantungan kepada intelektualisme barat.

Pentakrifan *HPN* sebagai karya teori sosial konservatif telah dibicarakan oleh Sharifah Sofea Wan Ahmad. Sharifah mengetengahkan pendekatan sosial konservatif menyanggah posisi dominan *HPN* sebagai penzahiran idea-idea transformatif sosial ekonomi yang melangkaui batas sosial zaman *HPN* dihasilkan pada kurun ke-19. Ahmad Shawal mengusulkan kepada masyarakat desa ketika itu suatu program kemajuan ekonomi yang menekankan sumber manusia sebagai pencetus utama perubahan melalui fungsi kepimpinan dan perburuhan. Sharifah juga telah menyimpulkan bahawa budaya intelektual Melayu Sarawak pada abad ke-19 tidak terasing daripada perbahasan wacana perubahan sosial global. Intelektual peribumi tidak semata-mata terpengaruh dengan pemikiran yang dikatakan berasal daripada barat tetapi sebaliknya telah berlaku asimilasi, adaptasi dan pemikiran semula yang menunjukkan proses intelektual yang dapat dikesan dalam *HPN* adalah bersifat terbuka, kreatif dan responsif kepada tuntutan masyarakat.

Che Abdullah Che Ya menganalisis persoalan sosial dalam *HPN* menggunakan pendekatan sosiologi. Tiga

aspek utama dalam *HPN* ialah aspek sosio-budaya, sosio-politik dan sosio-ekonomi. Aspek sosio-budaya dikaitkan dengan budaya yang merangkumi kehidupan masyarakat yang bersatu padu, dan kepentingan pendidikan, aspek politik dikaitkan dengan kepimpinan Nikosa dan peperangan yang dihadapi. Penelitian terhadap sosio-ekonomi pula dikaitkan oleh Che Abdullah dengan kepentingan pertanian kepada pembangunan ekonomi dan pengagihan harta yang adil. Analisis terhadap ketiga-tiga aspek ini telah membuktikan *HPN* sebagai sebuah novel yang mengangkat kehidupan masyarakat khususnya, masyarakat Sarawak dan karya ini jelas dipertanggungjawabkan sebagai sebuah dokumen sosial masyarakat Sarawak, khususnya masyarakat sebelum perang dunia kedua.

Proses mengadaptasi novel ke skrip drama bukan suatu usaha yang mudah. Skrip drama perlu memiliki elemen dramatik pada setiap saat. Ketiadaan elemen dramatik akan menyebabkan subjek yang disampaikan hambar dan mendatar serta tiada daya tarikan kepada khalayak untuk mengikutinya. Format penulisan dan genre skrip drama harus jelas bagi membangkitkan emosi khalayak yang diinginkan oleh penulis. Perihal ini telah dibincangkan oleh Nur Afifah Vanitha Abdullah dalam buku ini. Bagi mengangkat *HPN* sebagai karya yang dapat dipentaskan, Nur Afifah menghuraikan kaedah mengadaptasi novel *HPN* agar memenuhi segala kriteria penghasilan skrip drama. Penyesuaian daripada segi plot dan perwatakan harus dilakukan agar ketokohan Panglima Nikosa terserlah dalam skrip drama pentas. Selain itu, pertambahan watak narator perlu diwujudkan bagi menyampaikan kejadian dan ketokohan Panglima Nikosa. Bagi mewujudkan unsur dramatik yang memberi kesan

PENDAHULUAN

terhadap emosi khalayak, sifat perwatakan dan cabaran yang dihadapi oleh Panglima Nikosa harus ditonjolkan. Aspek teaterikal juga harus diberi perhatian untuk menunjukkan ketokohan Panglima Nikosa di atas pentas. Disimpulkan bahawa genre drama yang paling sesuai bagi tujuan mengangkat ketokohan Panglima Nikosa adalah tragedi.

MARY FATIMAH HAJI SUBET



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin-Nya, buku *Hikayat Panglima Nikosa: Menelusuri Gagasan dan Pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid* berjaya diterbitkan. Sebagai mukadimah buku ini menghimpunkan 15 buah makalah ilmiah yang ditulis tentang unsur bahasa dan sastera dalam *Hikayat Panglima Nikosa (HPN)*.

Pengumpulan makalah ini merupakan cetusan idea Encik Abang Haliman Haji Abang Julai, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak semasa program Bicara Pusaka Bangsa pada tahun 2021. Beliau berharap agar buku tentang *HPN* dapat diterbitkan dengan melihat karya ini daripada perspektif yang pelbagai dengan mengambil kira bahasa, sastera dan budaya yang terdapat dalam inti pati buku asal karya ini. Bagi mendapatkan makalah yang berwibawa, pihak DBP telah melantik penulis yang terdiri daripada pensyarah dan penyelidik untuk membincangkan karya *HPN*. Di samping itu, usaha tersebut juga bertujuan mendokumentasikan dan diharapkan dapat menjadi tempat rujukan para



pengkaji tempatan dalam usaha mengangkat karya ini sebagai sebuah novel Melayu pertama di dunia. Malah *HPN* ini akan mampu menjadi sebuah persuratan atau karya lama yang akan menjadi warisan sastera yang bernilai di Bumi Kenyalang.

Usaha merealisasikan penerbitan buku ini telah mendapat sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak. Rakaman penghargaan dan terima kasih diberikan kepada semua pembicara Bicara Pusaka Bangsa, penulis dan penyumbang makalah, Dr. Syaidul Azam Kamarudin, Abdul Rasid Haji Subet, Hajjah Haji Mainol, Coretta Herliana Kura, Fatin Nabilah Nor Ekhsan, Dayang Norazan Kartini Pengiran Haji Zain, Lily Joo, Caltinie Jhayssy Manja, Fatimah Razali, Rosani Hiplee dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

Semoga usaha ini akan memberikan manfaat kepada masyarakat dalam usaha DBP Cawangan Sarawak memartabatkan kesusasteraan, persuratan dan kearifan tempatan.

**HAJAH ROSLIN HAJI MAJIDI
NASIR HAMID**

Penghargaan Khas



KERAJAAN NEGERI SARAWAK



ORIENTALISME DAN INTERTEKSTUALITI DALAM NOVEL MELAYU PERTAMA DI DUNIA

Muhammad Qhidir Mat Isa

Pengenalan

Hikayat Panglima Nikosa Mendapat Kesusahan Waktu Perang Sampai Mendapat Kemenangan (1876) (seterusnya ditulis HPN) ditemukan di Rhodes House Library daripada himpunan-manuskrip yang dikumpulkan oleh Sir Hugh Low, bekas pegawai Inggeris yang kemudiannya menjadi Residen Perak. *Hikayat Panglima Nikosa* memakai judul "Hikayat" sesuai dengan periodisasi penulisan hikayat tersebut, iaitu sekitar abad ke-19. Gaya judulnya sama dengan hikayat Melayu Klasik lain sezamannya seperti autobiografi *Hikayat Pelayaran Abdullah ke Kelantan* (1838) dan *Hikayat Abdullah bin Abdul Kadir* (1849) dan *Hikayat Pelayaran Abdullah ke Mekah* (1958-1959). Samalah seperti ketiga-tiga karya tersebut, meskipun memakai judul "hikayat", namun tematik karya sepertinya memperlihatkan bibit-bibit kemunculan aliran realisme. Aliran yang serupa juga telah mulai muncul lebih awal dalam bentuk-syair, iaitu sekitar tahun 1830-an lagi lewat *Syair Tantangan Singapura*, *Syair Potong Gaji* dan *Syair Dagang Jual Beli*



Novel Hikayat Panglima Nikosa merupakan sebuah novel Melayu pertama karya Ahmad Shawal Abdul Hamid yang diterbitkan pada tahun 1876 dan telah berusia hampir 146 tahun.

Hikayat Panglima Nikosa dinobatkan sebagai mahakarya sastera bangsa yang mengemukakan ideologi dan falsafah di samping berperanan sebagai kritik sosial masyarakat.

Hikayat Panglima Nikosa kian mencetuskan perhatian dan minat kerana unsur historisisme dan keunggulan intelektual lokal, khususnya di Sarawak.

Demikianlah yang telah dianalisis menerusi 15 buah makalah yang dihimpunkan dalam buku Hikayat Panglima Nikosa: Menelusuri Gagasan dan Pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid.

ISBN 978-983-49-3531-3



9 7 8 9 8 3 4 9 3 5 3 1 3

